

Mengurus tanah wakaf umat Islam



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Wakaf berasal daripada perkataan bahasa Arab, 'wakafa' bermaksud berhenti atau menahan. Mazhab Syafie mendefinisikan wakaf sebagai menahan harta yang boleh diambil manfaat dengannya dan dikekalkan fizikalnya harta itu untuk digunakan orang awam.

Antara harta yang boleh diwakafkan ialah tanah lapang, bangunan masjid, bangunan kedai, rumah, hospital, sekolah, kenderaan, saham dan lain-lain yang boleh digunakan manfaatnya untuk jangka panjang.

Wang turut dijadikan

sebagai wakaf tunai untuk digunakan dalam pembelian bangunan atau keperluan pengurusan wakaf.

Menurut Imam Syafie dan jumhur ulama, harta wakaf mestilah harta kekal. Pendapatan atau manfaat harta wakaf itu akan dibelanjakan demi kebajikan awam terutamanya dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Ini bermaksud harta itu bukan lagi milik pewakaf, tetapi menjadi hak Allah SWT yang tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki sesiapa pun.

Dalam **Surah ar-Ra'd, ayat 22** yang bermaksud: "Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata dan mendirikan sembahyang serta mendermakan daripada apa yang Kami kur-

niakan kepada mereka, secara sembunyi atau secara terbuka dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik, mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat."

Pengurusan harta wakaf di Malaysia adalah di bawah tanggungjawab dan undang-undang pentadbiran Agama Islam Negeri.

Di peringkat kerajaan persekutuan, Yayasan Wakaf Malaysia ditubuhkan bagi melicinkan pembangunan tanah wakaf di setiap negeri.

Kerajaan Persekutuan menyediakan dana sebanyak RM250 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi membolehkan yaysan itu beroperasi.

Untuk rekod, tanah

wakaf di Malaysia dianggarkan sebanyak 35,000 hektar iaitu bernilai kira-kira RM1.2 bilion.

Setakat ini, yayasan itu mempunyai 15 projek seperti pembinaan ruang niaga, asrama anak yatim, hotel wakaf, pusat kesihatan, sekolah, flat sederhana dan kompleks muafaf.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Amalina Abdullah, ketika zaman pemerintahan Kerajaan Islam Uthmaniyah, pendapatan wakaf pernah dicatatkan mencecah separuh daripada keseluruhan jumlah pendapatan kerajaan pada masa itu.

Beliau menyatakan, hampir 30,000 institusi berasaskan wakaf ditubuhkan dan membantu menjamin lebihan belan-

jawan kerajaan ketika itu.

Dr Amalina menyatakan, pengurusan wakaf yang cemerlang seperti Johor, Sarawak dan Selangor sebagai contoh adalah rujukan terbaik bagi negeri lain yang masih kekurangan pakar, dana dan strategi.

Beberapa contoh aktiviti yang boleh dimanfaatkan melalui wakaf bangunan yang dilaksanakan orang awam atau syarikat adalah pusat rawatan dialisis, dewan serbaguna untuk diadakan kelas pengajian, kursus, seminar, majlis perkahwinan dan pameran.

Majlis Agama Islam Kedah contohnya mempromosikan projek Wakaf Jemba yang begitu aktif dalam membeli dan menjual hartanah.

Di samping itu, Perak juga terbabit dalam beberapa projek pembangunan

kanak-kanak sekolah, Pulau Pinang memberi tumpuan kepada aktiviti sewa harta komersial kepada orang awam serta perumahan kos sederhana dan perumahan teres.

Negeri Johor sangat aktif melaksanakan program wakaf seperti wakaf An-nur, wakaf saham, pembangunan masjid, pembangunan lot kedai, lot kediaman, dewan awam dan pusat dialisis yang menjana pendapatan melebihi RM8 juta.

Di Selangor, Majlis Agama Islam Selangor melantik anak syarikatnya, Perbadanan Wakaf Selangor untuk menguruskan harta wakaf melalui wakaf tunai.

Lebih RM204 juta dikutip melalui kutipan Saham Wakaf Selangor.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia